

**KETOKOHAN SAIDINA UMAR DALAM DUNIA KESUSASTERAAN
MELAYU: TIGA PRINSIP KEADILAN ISLAM MENERUSI *HIKAYAT
ABU SYAHMAH***

*(Saidina Umar In The World Of Malay Literature: Three Principles Of Islamic
Justice
Within Hikayat Abu Syahmah)*

Ghazali Mohd Ros & Shaiful Bahri Md. Radzi

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan tentang prinsip keadilan yang dipertontonkan oleh watak Saidina Umar dalam dunia kesusasteraan Melayu tradisional. Umum mengetahui bahawa Saidina Umar merupakan tokoh penting dalam sejarah peradaban Islam, yang terkenal dengan sifat tegas dan adil dalam menjatuhkan sesuatu hukum. Keadilan merupakan salah satu tunjang utama dalam membentuk keharmonian dalam sesebuah masyarakat. Menerusi pelaksanaan keadilan yang menyeluruh, setiap individu akan memperoleh jaminan keselamatan dan hak dalam menyampaikan sesuatu aduan, sekaligus mengelakkan daripada berlakunya kezaliman. Dengan memfokuskan kepada naskhah *Hikayat Abu Syahmah*, objektif kajian ini adalah untuk meneliti konsep keadilan yang dipamerkan menerusi watak Saidina Umar, dalam melaksanakan hukuman menurut syariat Islam. Metodologi kajian ini adalah menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan terhadap naskhah hikayat. Hasil kajian memperlihatkan bahawa keadilan Islam yang terpancar menerusi watak Saidina Umar dalam *Hikayat Abu Syahmah*, telah melalui tiga prinsip utama dalam Islam iaitu mendengar sesuatu aduan, melakukan *tabayyun* (siasatan), serta menjatuhkan hukuman. Pemaparan terhadap konsep keadilan Islam yang menyeluruh menerusi hikayat, telah membuktikan bahawa watak Saidina Umar merupakan seorang khalifah yang adil dalam melaksanakan pemerintahannya terhadap umat Islam. Justeru, sifat tersebut berupaya menjadi teladan buat para pembaca hikayat masa kini, dalam usaha mereka meningkatkan akhlak dan keperibadian diri.

Kata kunci: Saidina Umar, hikayat Islam, aduan, siasatan, dan hukuman.

ABSTRACT

This paper discusses the principle of justice displayed by the character of Saidina Umar in the world of traditional Malay literature. It is common to know that Saidina Umar is an important figure in the history of Islamic civilization, which is well-known for its firm and fair nature in dropping a law. Justice is one of the main pillars in shaping harmony in a society. Through comprehensive enforcement of justice, every individual will have the assurance of safety and the right to present a complaint, thereby avoiding tyranny. By focusing on the text of *Hikayat Abu Syahmah*, the objective of this study is to discern the concept of justice displayed on the character of Saidina Umar, in executing punishment according to Islamic law. The methodology of this study is to use the library method as well as content analysis of the hikayat. The findings show that Islamic justice radiated through the character of Saidina Umar in

Hikayat Abu Syahmah has gone through three major principles in Islam namely hearing a complaint, *tabayyun* (investigation) and sentencing. The exposure to the concept of a comprehensive Islamic justice through the hikayat, has proved that Saidina Umar's character was a fair caliph in implementing his rule over Muslims. Hence, the character is able to be an example for current readers, in an effort to improve their character and personality.

Keywords: Saidina Umar, Hikayat Islam, complaint, investigation, and sentence.

PENGENALAN

Kedatangan Islam membawa harapan dan semangat baru di Alam Melayu. Bermula ketibaannya pada abad ke-9, serta penyebarannya secara menyeluruh pada abad ke-15, kemunculan Islam telah menyaksikan berlakunya perubahan dalam pelbagai lapangan kehidupan (Mahayudin Yahaya 1998). Intipati kefahaman ajaran Islam mencakupi hal-hal berkaitan akidah, syariah, muamalah, bahasa, budaya, kesenian, falsafah dan kesusasteraan (Syed Muhammad Naquib Al-Attas 1999). Selain membawa kitab berkaitan ajaran Islam yang bersifat khusus seperti Al-Quran dan hadis nabi, golongan pendakwah turut membawa bersama bahasa, corak hidup, serta karya kesusasteraan yang meliputi hikayat dari dunia Arab dan Parsi. Kisah-kisah hikayat ini kemudiannya telah memainkan peranan sebagai wadah penyebaran dakwah, bahkan kemudiannya telah menyebar dengan begitu pesat di Kepulauan Melayu (Ismail Hamid 1983a). Melalui cerita-cerita hikayat, masyarakat Melayu telah diperkenalkan dengan tokoh-tokoh Islam yang lebih bersifat sejagat, khususnya Nabi Muhammad SAW sebagai tokoh yang membawa ajaran Islam.

Selain baginda, turut diperkenalkan juga watak-watak para nabi, para sahabat, tokoh pahlawan Islam, serta watak orang-orang soleh. Secara tidak langsung, pengaruh watak-watak Hindu umpamanya Seri Rama, Pandawa Lima, Arjuna, Raden Inu Kartapati, dan kisah-kisah panji, berupaya diluputkan sedikit demi sedikit dari hati peribumi. Kisah-kisah yang bersifat mitos, dongeng, serta berlatarkan khayalan, telah digantikan dengan kisah sirah yang berupaya memandu masyarakat ke arah kehidupan yang lebih sempurna dan berakhlak mulia (Ali Ahmad dan Siti Hajar Che Man 1996). Salah satu watak unggul yang dihidangkan kepada pembaca menerusi kesusasteraan hikayat Islam, adalah watak tokoh Saidina Umar Al-Khattab. Keperibadian beliau yang adil dan tegas dalam menegakkan kebenaran, serta keberanian dalam mengangkat syiar Islam dalam lipatan sejarah, menyebabkan watak Umar banyak diperkatakan, termasuklah dalam dunia kesusasteraan hikayat di Alam Melayu (Ismail Hamid 1983a). Justeru, objektif kajian ini adalah untuk meneliti tiga konsep keadilan yang dipaparkan oleh watak Saidina Umar menerusi *Hikayat Abu Syahmah*. Tiga prinsip yang terdiri daripada; mendengar aduan, melaksanakan *tabayyun*, serta menjatuhkan hukuman menurut syariat Islam, telah membuktikan bahawa watak Saidina Umar merupakan individu yang adil dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai khalifah Islam yang ulung.

SAIDINA UMAR DALAM DUNIA KESUSASTERAAN MELAYU

Umar Al-Khattab merupakan nama yang tidak asing lagi dalam sejarah kegemilangan umat Islam. Terkenal dengan keperibadiannya yang tegas dalam menegakkan keadilan, Umar bukan sahaja dikasihi teman, sebaliknya turut dihormati lawan. Sebelum memeluk Islam, beliau terkenal sebagai individu yang sangat kuat memerangi kaum muslimin. Kehebatan Umar juga terserlah apabila dilantik menjadi ketua kaum Quraisy sewaktu berlakunya sesebuah peperangan (Amran Kasimin 1995: 2). Dalam situasi umat Islam yang menerima tekanan hebat

daripada kaum Quraisy, Rasulullah SAW telah melihat wujudnya potensi yang ada pada diri Umar, dalam usaha membentuk kembali kekuatan dakwah Islam. Baginda telah mengkhususkan doa agar Umar memperoleh hidayah serta menerima ajaran Islam (Mohd Said Ishak 2000: 8).

Pengislaman Umar Al-Khattab kemudiannya telah membawa pengaruh yang sangat besar kepada umat Islam. Ini disebabkan keberanian dan ketegasan beliau dalam menegakkan syiar-syiar Islam, sehingga mencetuskan kegerunan dalam kalangan kafir Quraisy. Dengan kata lain, umat Islam telah beroleh keselamatan dan keamanan dengan kehadiran Umar sebagai benteng baru mereka. Keberanian dan kegagahan Umar tidak dapat ditandingi oleh musuh-musuh Islam. Umar Al-Khattab telah menjadi sahabat nabi yang paling kanan selepas Saidina Abu Bakar, malah telah diberi kepercayaan untuk menerajui tampuk pemerintahan Khulafa' Al-Rasyidin yang kedua. Pada era pemerintahannya itulah, empayar Islam semakin berkembang pesat disebabkan kemenangan tentera muslim dalam beberapa siri peperangan yang besar. Antaranya termasuklah kejayaan menguasai ibu kota Syria iaitu Damsyik, serta ekspedisi penaklukan Mesir di bawah pimpinan panglima Islam, Saad bin Abi Waqas. Tidak lama selepas itu, kerajaan Islam telah memenangi pula peperangan menentang tentera kerajaan Moghul (Ahmad Redzuwan Mohd Yunus 2001: 17).

Antara faktor kejayaan Saidina Umar dalam menegakkan syiar Islam, adalah disebabkan wujudnya sifat tegas dan adil sepanjang tempoh pemerintahannya. Umar begitu teliti dalam membela nasib rakyat. Bagi beliau, keadilan harus dapat dikecapi oleh setiap insan, tidak kira sama ada terhadap sesama muslim mahupun golongan kafir. Ketegasan Umar dalam mengadili hukuman tanpa mengira kedudukan si pesalah, terbukti menerusi peristiwa penghakiman Jabalah Ibn Aihan, seorang bekas pemerintah wilayah Ghassan.¹ Disebabkan kesungguhan beliau dalam menjaga keadilan, serta tidak mencampur adukkannya dengan urusan keduniaan, Umar telah mendapat jolokan *Al-Faruq* yang bermaksud 'pemisah antara hak dan batil' (Musthafa Murad 2010).

Kisah keberanian dan keadilan Saidina Umar sepanjang sejarah hidupnya adalah sangat terkenal, serta menjadi kebanggaan buat seluruh umat Islam. Di Alam Melayu, kehadiran watak Umar hadir bersama penerimaan tokoh Rasulullah SAW, serta sahabat-sahabat paling akrab seperti Saidina Abu Bakar, Saidina Uthman, dan Saidina Ali. Dalam dunia kesusasteraan Melayu, kemunculan watak Saidina Umar ini dapat ditemukan dalam pelbagai genre, sama ada dalam karya-karya ketatanegaraan, puisi Islam, juga menerusi genre hikayat. Kesemua karya tersebut telah mengungkapkan tentang peribadi Saidina Umar yang adil dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai khalifah Islam.

Dalam genre adab atau ketatanegaraan, kisah-kisah mengenai keadilan Saidina Umar berperanan sebagai 'dalil' atau penguat hujahan bagi pengarang menyampaikan pesanan kepada golongan raja dan pembesar. Kisah-kisah Saidina Umar telah menjadi contoh dalam menimbulkan keinsafan, seterusnya menjadi renungan buat para pemerintah menjalankan amanah sebagai '*Zilullah Fil A'lam*'. Ini dapat diperhatikan menerusi naskhah *Nasihah Al-Muluk* karya Imam Al-Ghazali, *Taj As-Salatin* karangan Bukhari Al-Jauhari, serta *Bustan Al-Salatin* karya Nuruddin Al-Raniri. Di dalam *Nasihah Al-Muluk*, terdapat enam kisah yang mengangkat watak Saidina Umar sebagai contoh teladan. Kisah-kisah tersebut adalah sebagaimana yang terdapat pada jadual berikut (Jelani Harun 2003: 41-42);

¹ Jabalah telah memukul seorang penduduk kampung yang terpijak jubahnya hingga berdarah. Sewaktu diadili Saidina Umar, Jabalah dengan angkuh membantah, dengan alasan kedudukannya sebagai pemerintah lebih tinggi berbanding rakyat biasa. Umar dengan tegasnya menjawab, "Islam telah menyamakan kamu berdua. Tiada yang lebih tinggi kedudukannya kecuali dengan takwa!" (Marzuki Mahmood 1999: 27-28).

Jadual 1: Cerita-cerita Saidina Umar dalam *Nasihah Al-Muluk*

Cerita	Halaman
Cerita Umar Al-Khattab dengan Nabi Khidir	120
Cerita Umar Al-Khattab dengan anak kambing	122
Cerita Umar Al-Khattab bertemu utusan Rom	122
Cerita Umar Al-Khattab dengan Abdul Rahman bin Auf	170
Cerita Umar Al-Khattab dengan Zaid Ibn Salam	170
Cerita Umar Al-Khattab membaca khutbah	172

Menerusi *Taj As-Salatin* pula, ketokohan Saidina Umar diperlihatkan pada fasal yang ketujuh, iaitu ‘Pada menyatakan peri pekerti raja-raja yang adil dengan sebenarnya’, sesuai dengan sifat Saidina Umar yang terkenal sebagai pemerintah yang adil. Dalam naskhah tersebut, Umar digambarkan sebagai seorang khalifah yang rajin berkerja di siang hari, sementara pada sebelah malamnya pula diisi dengan amal ibadah dan meninjau keadaan rakyat. Umar telah keluar bersama Zaid Ibn Salam sehingga tiba di sebuah rumah. Di dalamnya terdapat seorang perempuan bersama tiga anak kecil yang sedang menangis kelaparan. Melihatkan keadaan tersebut, Umar menjadi insaf terhadap kecuaiannya menjaga kebajikan rakyat, serta menjadi gerun terhadap azab Allah SWT. Disebabkan perasaan takut itulah, Umar telah kembali ke Madinah, dan menyempurnakan keperluan keluarga tersebut;

Apabila Amirulmukminin mendengar katanya demikian itu, maka segera kembali ke negeri Madinah dan setelah ia sampai di situ pada satu kedai yang menjual tepung lalu dibelikan tepung dalam satu karung dan pada satu kedai orang menjual daging lalu ia membeli daging dan membubuh dalam karung itu yang ia angkat dan muat atas bahunya lalu dibawa keluar negeri itu. Maka kataku padanya, “Ya Amirulmukminin, berikan padaku karung itu kuangkat pergi sertamu.” Maka Umar berkata, “Hai Zaid, jika berat karung ini sekarang engkau angkat, maka berat dosaku siapa mengangkat dia dan doa perempuan itu daripada sakit hatinya daripada alpaku itu mengadukan hal kepada Tuhannya, siapa dapat menjauhkan dia daripada aku!”

(Khalid Hussain 1992: 81-82)

Peristiwa di atas merupakan bukti bahawa Saidina Umar merupakan seorang pemimpin yang sangat adil dan menjaga kebajikan rakyatnya. Meskipun beliau merupakan seorang khalifah agung, namun beliau sanggup untuk mengangkat sendiri karung berisi gandum dan daging yang berat, semata-mata untuk menebus ‘dosanya’ terhadap keluarga miskin tersebut. Kisah yang serupa juga dapat ditemukan di dalam naskhah *Bustan Al-Salatin*. Dalam genre hikayat pula, watak Saidina Umar muncul dalam pelbagai kisah, sama ada sebagai watak utama mahupun sebagai watak sampingan. Watak Umar telah menyebar dengan begitu meluas, antaranya ditemukan dalam *Hikayat Abu Bakar*, *Hikayat Tamim Ad-Dari*, *Hikayat Amirul Mukminin Umar*, *Hikayat Raja Khandak*, dan *Hikayat Abu Syahmah*.

Dalam *Hikayat Tamim Ad-Dhari*, Umar digambarkan sebagai seorang khalifah yang adil dan bertanggungjawab dalam menjaga hal ehwal kekeluargaan masyarakat. Sepanjang ketiadaan Tamim Ad-Dhari, Umarlah yang telah memberikan makanan dan segala bentuk keperluan kepada Siti Khaulah dan anak-anaknya. *Hikayat Raja Khandak* pula menyaksikan peranan Umar sebagai pahlawan Islam, yang turut sama membantu Saidina Ali dalam menumpaskan tentera kufar.

Walau bagaimanapun, *Hikayat Abu Syahmah* telah memperlihatkan keadilan Saidina Umar dari sisi yang sangat berbeza. Jika selama ini Umar terkenal sebagai pemerintah yang

tegas dan adil dalam melaksanakan hukuman terhadap rakyatnya, namun *Hikayat Abu Syahmah* telah menyaksikan kedudukan Saidina Umar sebagai seorang bapa yang penyayang, yang harus menghukum anaknya sendiri, Abu Syahmah sehingga menyebabkan kematian. Kisah keadilan Umar dalam menghukum anaknya itu juga begitu popular, malah turut diperkatakan dalam sebuah masnawi Parsi seperti berikut (S.Simandjuntak 1971 59-60);

*Umar yang adil dengan perinya,
Nyatalah pun adil sama sendirinya,
Dengan adil itu anaknya dibunuh,
Inilah adalat yang benar dan sungguh,
Dengan beda antara isi alam,
Ialah yang besar pada siang dan malam,
Lagipun yang menjauhkan segala syar,
Imamul hak di dalam padang mahsyar,
Barang yang hak Ta'ala katakana itu,
Maka katanya sebenarnya begitu.*

HIKAYAT ABU SYAHMAH

Cerita mengenai Abu Syahmah merupakan sebuah fiksyen yang digubah untuk mengagungkan Saidina Umar sebagai seorang pemerintah yang adil, serta takut akan pelanggaran syariat Allah SWT. Meskipun demikian, Ibnu Jauzi (dalam Ismail Hamid 1983a) ada mencatatkan peristiwa penghukuman putera Umar Al-Khatab disebabkan kesalahan meminum arak bersama seorang sahabatnya bernama Abu Sarwan bin Al-Harith di Mesir. Putera Umar yang bernama Abdul Rahman Al-Aswat itu kemudiannya telah menghadap Gabenor Mesir, Amru Al-Asr, dan meminta agar dijatuhkan hukuman ke atas mereka atas kesalahan tersebut. Meskipun demikian, Umar Al-Khattab telah menulis surat kepada Amru agar anaknya dihantar pulang ke Madinah diiringi abangnya, Abdullah Ibnu Umar. Setibanya di Madinah, Umar telah menghukum anaknya sendiri, dan Abdul Rahman Al-Aswat kemudiannya telah meninggal dunia sebulan selepas itu.

Meskipun begitu, di dalam *Hikayat Abu Syahmah*, terdapat juga unsur tokoh tambah antaranya ialah watak wanita Yahudi dan bapanya yang berjaya memperdaya Abu Syahmah agar mengambil *khamar* sebagai penawar, serta melakukan perzinaan dalam keadaan tidak sedarkan diri. Terdapat juga kesalahan fakta lainnya di dalam naskhah, iaitu dinyatakan bahawa Umar pernah membunuh seorang lagi anak lelakinya, disebabkan enggan memeluk agama Islam (Ismail Hamid 1983a: 58-59). *Hikayat Abu Syahmah* dimulai dengan pemerian watak Abu Syahmah yang terkenal sebagai seorang anak muda yang alim dan warak. Hasil didikan Saidina Umar juga, Abu Syahmah digambarkan sebagai seorang yang mahir dalam ilmu berkaitan Al-Quran. Suaranya nyaring dan merdu, sehinggakan para sahabat ternanti-nanti untuk mendengar alunan bacaan beliau di maqam Rasulullah SAW. Dalam usia yang sangat muda, Abu Syahmah telah keluar berperang ke negeri Halwan menentang musuh Islam, sehingga menjadi kebanggaan penduduk Madinah dan Umar Al-Khattab sendiri.

Setelah pulang ke Madinah, Abu Syahmah telah ditimpa sejenis penyakit menyebabkan Saidina Umar menjadi sangat bimbang dan segera kembali ke Madinah. Hanya setelah Saidina Umar bernazar untuk memerdekakan hamba, serta memberi makan golongan fakir miskin, barulah Abu Syahmah menjadi semakin pulih. Setelah sembuh, beliau telah keluar sehingga tiba di sebuah perkampungan Yahudi. Di sana, Abu Syahmah telah diberikan sejenis ubat untuk mengembalikan semula tenaganya yang telah hilang sewaktu sakit. Akibat termakan dengan pujuk rayu Yahudi, beliau telah diberi minum *khamar* sehingga mabuk. Pada ketika

itulah, beliau telah bermalam di perkampungan tersebut, dan melakukan perbuatan zina dengan anak Yahudi. Peristiwa itu menjadi rahsia antara mereka, sehinggalah kedua Yahudi tersebut datang mengadu kepada Saidina Umar supaya Abu Syahmah bertanggungjawab terhadap gadis terbabit.

Setelah melakukan siasatan, Abu Syahmah terbukti bersalah dan harus dijatuhi hukuman sebat sebanyak seratus kali. Keputusan Saidina Umar telah dibantah oleh kaum keluarga, serta para sahabat yang berada di Kota Madinah. Terdapat juga sebahagian sahabat yang sanggup menawarkan diri agar menjadi pengganti untuk menerima hukuman. Meskipun begitu, Saidina Umar tetap tegas dalam melaksanakan hukuman terhadap anaknya sendiri. Keadaan Abu Syahmah yang masih belum pulih sepenuhnya, ditambah dengan penerimaan hukuman sebat sebanyak seratus kali, menyebabkan beliau akhirnya meninggal dunia (Mohd Yusuf Md. Nor 1989: 26-55).

KEADILAN SAIDINA UMAR DALAM HIKAYAT ABU SYAHMAH

Istilah 'keadilan' berasal dari akar kata '*adalah* yang mempunyai beberapa makna. Antaranya bermaksud 'lurus'; iaitu lurus kepada sesuatu kebenaran tanpa mencampur adukkannya dengan hawa nafsu. Adil juga bermaksud 'menyamakan sesuatu dengan yang lain'. Dari sudut istilah pula, perkataan adil bererti 'memenuhi hak secara sepenuhnya'. Di dalam Al-Quran, terdapat tiga perkataan yang memberikan konotasi serupa sebagaimana perkataan adil, iaitu *Al-Ad*, *Al-Qism*, dan *Al-Mizan* (M.Hajir Mutawakkil 2014: 77). Perkataan 'adil' pula dibicarakan di dalam Al-Quran sebanyak 30 kali (Mahir Amin 2014: 103), meliputi pelbagai surah umpamanya Al-Hujurat ayat 9; Al-Maidah ayat 8; An-Nisa' ayat 135; dan Al-An'am ayat 152. Menerusi Surah An-Nahl ayat 90, Allah SWT berfirman;

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
٩٠

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta melakukan kezaliman.

Lawan bagi keadilan merupakan perbuatan kezaliman. Zalim bermaksud melakukan penyimpangan, serta meletakkan kedudukan sesuatu perkara itu bukan pada tempat yang betul. Kepentingan dalam melaksanakan keadilan, tidak hanya terikat dalam pembinaan hubungan seseorang manusia dengan manusia lainnya (*hablumminannas*), tetapi turut menjadi kewajipan dalam usaha membina hubungan manusia dengan *Khaliknya* (Wan Mohd Nor Wan Daud 2005: 45). Dengan kata lain, keadilan menurut Islam bukan sahaja perlu memenuhi kepuasan hati manusia, sebaliknya turut mengambil kira pandangan syariat dalam menjatuhkan sesuatu hukuman mahupun tindakan. Bahkan lebih dari itu, konsep 'keadilan syariat' haruslah diletakkan sebagai kepentingan yang lebih utama berbanding 'keadilan manusia'. Ini kerana sebahagian bentuk 'keadilan manusia' yang zahir pada mata kasar itu tidak semestinya menepati piawaian keadilan yang ditetapkan oleh Allah SWT.

Dalam membincangan perihal keadilan ini, watak Umar Al-Khattab menerusi *Hikayat Abu Syahmah* telah menunjukkan kualiti sifat keadilan yang sempurna, bukan sahaja terhadap sesama umat Islam, tetapi juga terhadap golongan bukan Islam. Hasil penelitian telah memperlihatkan, bahawa keadilan Saidina Umar telah merangkumi tiga proses penting iaitu mendengar sesuatu aduan, melakukan *tabayyun* (siasatan), serta menjatuhkan hukuman yang bertepatan dengan hukum syarak.

Keadilan dalam Mendengar Aduan Yahudi

Dalam sejarah Islam, keadilan terhadap golongan bukan muslim telah banyak dilaksanakan oleh para pemerintah, sebagai panduan dan ikutan bagi umat Islam terkemudian. Pada zaman Rasulullah SAW misalnya, baginda menerusi Piagam Madinah telah melindungi hak-hak golongan bangsa Yahudi, selagi mana mereka tidak melakukan khianat terhadap umat Islam.² Di dalam Al-Quran sendiri, Allah SWT telah memerintahkan supaya umat Islam berlaku adil dalam memutuskan sesuatu perkara terhadap golongan bukan Islam, meskipun golongan tersebut banyak melakukan pembohongan dan kejahatan. Firman Allah SWT menerusi Surah Al-Maidah ayat 42;

سَمْعُونَ لِلْكَذِبِ أَكْلُونَ لَسْتُمْ فَإِنْ جَاءُوكَ فَاحْكُم بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْرِضْ عَنْهُمْ وَإِنْ تُعْرِضْ عَنْهُمْ فَلَنْ يَضُرُّوكَ شَيْئًا
وَإِنْ حَكَمْتَ فَاحْكُم بَيْنَهُم بِالْقِسْطِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ٤٢

Mereka itu adalah orang-orang yang suka mendengar berita bohong, banyak memakan yang haram. Jika mereka (orang Yahudi) datang kepadamu (untuk meminta keputusan), maka putuskanlah (perkara itu) di antara mereka atau berpalinglah dari mereka; jika kamu berpaling dari mereka, maka mereka tidak akan memberi mudarat kepadamu sedikit pun. Dan jika kamu memutuskan perkara mereka, maka putuskanlah (perkara itu) di antara mereka dengan adil. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang adil."

Hikayat Abu Syahmah telah memperlihatkan keadilan Saidina Umar dalam mendengar dan mengadili aduan yang telah disampaikan oleh Yahudi kepada beliau. Meskipun kedua-dua Yahudi tersebut telah melakukan perbuatan khianat terhadap Abu Syahmah, namun mereka juga mempunyai hak bagi menyampaikan aduan, seterusnya mendapatkan pembelaan bagi perempuan Yahudi yang telah hamil. Walau bagaimanapun, sewaktu menyampaikan aduan tersebut, kedua-dua Yahudi itu telah merasa gementar apabila seluruh sahabat di dalam masjid menjadi hingar. Ini ditambah lagi apabila melihat reaksi wajah Saidina Umar yang bertukar merah kerana menahan kemarahan. Namun begitu, Saidina Umar telah menenangkan dirinya berserta para sahabat lain, serta memberikan jaminan keselamatan dan akan menyiasat aduan yang disampaikan. Bagi Saidina Umar, setiap aduan yang tiba kepadanya harus diambil berat tanpa mengira pangkat, mahupun perbezaan agama. Kehebatan sifat Umar itu dapat diperhatikan menerusi petikan berikut;

Maka pada ketika itu juga Baginda Umar pun merah padam mukanya seraya dikeluarkan darjatnya ke atas bajunya. Maka gementarlah tulang sendi anak Yahudi melihatkan Baginda Umar itu amat marah. Maka anak Yahudi itupun berkata-kata dengan takutnya, katanya, "Demi Allah Taala tiadalah hambamu berdusta. Jikalau tiada tuanku percayakan kata hamba ini, berilah sahib itu supaya hambamu tampar." Maka kata Baginda Umar, "Hai anak Yahudi, jangan engkau takut akan pekerjaan itu dan engkau katakanlah kepada aku."

(Mohd Yusof Md. Nor 1989: 45-46)

² Demi memastikan keadilan dan kesejahteraan rakyat di bawah naungan pemerintahan Islam di Madinah, Rasulullah SAW telah menggubal sebuah piagam yang dikenali Sahifah Al-Madinah (Piagam Madinah). Piagam tersebut mengandungi 47 fasal dan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama mengandungi 23 fasal, yang merangkumi hubungan dan hak golongan muslim. 24 fasal berikutnya pula merupakan hal-hal yang berkaitan dengan kedudukan orang-orang Yahudi. Menerusi Piagam Madinah, kedudukan golongan Yahudi dari aspek keselamatan, harta benda, dan keluarga, menjadi telah berada di bawah tanggungjawab dan pemeliharaan Rasulullah SAW. Keterangan lanjut lihat Mat Saad Abdul Rahman (1999: 83-118).

Selain menjadi bukti keadilan Saidina Umar terhadap golongan bukan Islam, peristiwa tersebut juga memperlihatkan keupayaan beliau dalam mengawal perasaan marah apabila menerima sesuatu berita yang mengaibkan diri dan keluarganya. Situasi sebegini telah memberikan panduan kepada setiap hakim dan pemimpin, agar sentiasa bersedia dalam menerima segala bentuk berita dan aduan yang disampaikan, meskipun perkara tersebut adalah sesuatu yang seakan-akan mustahil untuk berlaku.

Dalam konteks ini, watak Abu Syahmah telah dikaitkan dengan perbuatan yang terkutuk, iaitu meminum arak serta melakukan perzinaan. Seluruh sahabat di Kota Madinah yang mengenali peribadi Abu Syahmah sebagai seorang yang alim dan warak, pasti tidak akan mepedulikan aduan yang disampaikan oleh Yahudi tersebut. Sebaliknya pula, mereka berkemungkinan menerima hukuman yang berat disebabkan membawa sesuatu berita yang 'palsu'. Saidina Umar walau bagaimanapun telah menunjukkan suatu sifat keadilan yang sejati, dengan tidak membezakan-bezakan kedudukan seseorang pengadu. Beliau memiliki kearifan yang tinggi mengenai hak seseorang rakyat, serta tanggungjawab sebagai seorang khalifah yang sejati.

Keadilan dalam Melakukan *Tabayyun*

Menepati kualiti insan adil yang memiliki nafsu *Mutma'innah*, Umar tidak menjatuhkan hukuman tanpa melaksanakan *tabayyun* (siasatan yang mendalam untuk mengetahui kebenaran sesuatu berita) terlebih dahulu bagi mendapatkan kebenaran. Dalam konteks ini, dapat diperhatikan betapa pentingnya penguasaan ilmu pengetahuan terhadap perkara-perkara yang mendasari sesuatu keputusan. Perlaksanaan keadilan menurut Islam, bukanlah suatu perkara yang boleh diputuskan dengan sewenang-wenangnya, melainkan memerlukan penelitian dan ilmu pengetahuan, khususnya dari aspek hukum syarak. Keadilan Umar dilihat telah menepati kehendak syarak, iaitu keperluan menyelidiki dengan mendalam sebelum menjatuhkan sesuatu hukuman. Ini sebagaimana yang digariskan di dalam Al-Quran dalam surah Al-Hujurat, ayat 6;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ۖ
Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengencainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.

Tabayyun menurut perspektif Islam juga berkait rapat dengan proses pengumpulan bukti, sebelum sesuatu hukuman dapat dijatuhkan. Menurut Abdul Rahman Doi (1995: 310-312) dalam tulisannya berjudul *Syariah Islam*, bukti dalam sesuatu pertuduhan dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bukti fizikal, saksi, serta pengakuan si pesalah. Kebanyakan hukuman yang dilakukan bagi kesalahan berzina pada zaman Rasulullah SAW serta khulafa Al-Rasyidin, adalah disandarkan kepada pengakuan si pesalah.

Saidina Umar telah menemui anaknya untuk menanyakan sendiri perihal aduan perempuan Yahudi. Abu Syahmah kemudiannya telah mengakui segala kesilapannya iaitu meminum khamar serta melakukan perzinaan. Justeru, pengakuan beliau itu dapat dinisbahkan sebagai bukti dalam bentuk pengakuan, yang boleh membawa kepada hukuman sebagaimana yang telah ditetapkan oleh hukum syara';

Maka Baginda Umar pun sangat belas hatinya akan anakandanya seraya katanya, “Hai anakku Abu Syahmah! Adakah engkau pergi ke rumah Yahudi itu masa engkau berjalan-jalan?” Maka sahut Abu Syahmah, “Ada tuanku.” Maka kata Baginda Umar, “Hai anakku! Adakah engkau diberi minum arak oleh Yahudi itu?” Maka kaya Abu Syahmah, “Ya tuanku, tiadalah dengan sengaja kerana hambamu diperdayakan oleh Yahudi itu, dikatakan ubat yang baik, maka hambamu minum.” Maka kata baginda Umar, “Hai anakku! Jikalau demikian ini benarlah engkau minum arak dengan berzina pada anak Yahudi itu?” Maka kata Abu Syahmah, “Benarlah tuanku yang seperti kata itu...”

(Mohd. Yusuf Md. Nor 1989: 47)

Meneliti sesuatu pengaduan sebelum melaksanakan hukuman, merupakan salah satu proses penting bagi memastikan keadilan tidak berlaku kepada seseorang tertuduh. Lebih-lebih lagi, jika aduan tersebut dilakukan oleh golongan yang kafir dan munafik. Pengakuan Abu Syahmah adalah suatu bukti kebenaran, bahkan selari dengan kisah yang disampaikan oleh Yahudi kepada Saidina Umar. Situasi tersebut seterusnya telah mencetuskan keadaan yang getir dan dilema dalam dirinya, iaitu sama ada untuk melepaskan kesalahan Abu Syahmah ataupun menghukumnya mengikut undang-undang Islam.


Perkembangan dunia yang serba moden pada hari ini, telah memperlihatkan kepentingan umat Islam dalam melaksanakan proses *tabayyun* tatkala menerima sesuatu berita. Tanpa mengira masa dan lokasi, masyarakat telah didedahkan dengan pelbagai bentuk media sosial seperti *facebook*, *twitter*, *youtube*, serta *whatsapp*, yang menyajikan pelbagai bentuk berita setiap hari. Walau bagaimanapun, berita-berita tersebut adakalanya boleh dipertikaikan status kebenarannya, fakta yang telah dimanipulasi, juga terdapatnya fitnah yang sengaja dicipta untuk menjatuhkan maruah individu lain. Ianya tersebar dengan begitu cepat dan meluas dalam bentuk gambar, rakaman suara, atau tulisan-tulisan yang bersifat hasutan. Kesannya, masyarakat bebas membuat penafsiran dan menjatuhkan hukuman, tanpa perlu bersemuka dengan individu yang terkait (Mohd Adnan Pitchan et. al 2018: 79).

Dalam konteks hikayat, perbuatan Saidina Umar yang bertemu dan bertanyakan sendiri kepada Abu Syahmah, merupakan suatu contoh yang harus diteladani oleh umat Islam masa kini. Menerusi sifat tersebut, beliau bukan sahaja terlepas daripada melakukan keadilan, sebaliknya turut mengelakkan diri daripada menyesali terhadap kejahilan diri apabila tidak memandang serius terhadap aduan yang dihadapkannya. Sebagai umat Islam yang beriman, proses *tabayyun* haruslah sentiasa dijadikan pegangan bagi mengelakkan berlakunya penyebaran berita-berita fitnah. Bahkan menerusi surah Al-Hujurat ayat 6 juga, Allah SWT memberikan meringatan bahawa seseorang yang bersifat jahil dalam menjatuhkan sesuatu hukum, akan menyesali terhadap perbuatan tersebut pada masa yang akan datang.

Keadilan dalam Menjatuhkan Hukuman

Dalam situasi yang sangat menghimpit, Saidina Umar harus membuat pertimbangan yang adil menurut landasan syariat. Dalam masa yang sama, beliau merupakan seorang ayah sangat menyayangi anaknya. Tambahan pula, Saidina Umar telah dipujuk oleh isteri dan sahabat-sahabat di Kota Madinah agar membebaskan anaknya. Sekiranya Umar mengambil keputusan untuk membebaskan Abu Syahmah, kemahumannya sebagai seorang bapa untuk melihat anaknya selamat akan tercapai. Meskipun begitu, keputusan tersebut adalah bercanggah dengan syariat Islam, dan akan mencampakkan dirinya ke lembah nafsu yang tercela, iaitu nafsu *Ammarah*. Gambaran keadaan Saidina Umar dalam menetapkan hukum terhadap Abu Syahmah, telah diperturunkan dalam bentuk rajah berikut;

Rajah 1: Situasi Saidina Umar



Sebagai seorang sahabat Rasulullah yang ulung, Umar juga sedar bahawa keputusannya yang tidak menurut hukum agama, akan mengundang murka daripada Allah SWT dan Rasulullah SAW. Dalam situasi tersebut, Umar harus memilih martabat nafsu mulia (*Mutma'innah*) berbanding nafsu tercela (*Ammarah*). Hasutan dari syaitan serta sifat emosi yang mementingkan diri akan membawanya kepada pengakhiran yang tersasar dari landasan agama. Namun demikian, Umar telah merujuk kembali pada kitab suci Al-Quran bagi mendapatkan kebenaran yang hakiki.

Situasi ini telah mengajarkan kepada pembaca mengenai kepentingan Al-Quran sebagai sumber panduan utama dalam kehidupan manusia. Dalam sistem perundangan Islam sendiri, Al-Quran merupakan sumber rujukan yang paling tinggi, diikuti oleh al-hadis Rasulullah SAW, *ijma' ulama'*, *al-qias*, *istihsan*, *istishlah*, *'uruf*, *istishab*, *syar'u man qabla*, *sad al-dzari'ah*, dan *qaul al-sahabi* (Alaiddin Koto 2012). Sifat Saidina Umar yang berpegang teguh kepada Al-Quran sebagai sumber penetapan hukum, dapat diperhatikan menerusi petikan berikut (Mohd Yusuf Md. Nor 1989: 47);

*Maka seraya bercucuranlah air matanya. Maka kata baginda Umar, "Dan oleh tuan hamba akan buah hatiku ini seperti firman Allah taala di dalam Al-Quran: "Az-zani wa 'zzaniatu fa 'j-lidu kulla wahidin minuma mi'ata jaidatin." Ertinya: Palu olehmu tiap-tiap suatu daripada keduanya seratus palu orang yang berzina itu dan kamu deralah atas keduanya pihak itu seratus kali deranya.*³

³ Petikan tersebut adalah selari dengan Surah Al-Nur ayat 2 yang bermaksud; "Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat; dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar

Saidina Umar akhirnya menetapkan hukuman sebat sebanyak seratus kali kepada anaknya sendiri. Keputusan beliau yang teguh berada dalam landasan syariat, memperlihatkan kehebatan beliau yang mampu menggabungkan kedudukan iman dan akalinya, agar tidak terpedaya menurut hasutan syaitan dalam situasi yang menghimpit. Keputusan tersebut walau bagaimanapun mendapat bantahan daripada isterinya sendiri dan para sahabat seisi kota Madinah. Jiwa Saidina Umar masih lagi diuji dengan ratapan dan rayuan daripada isterinya yang menginginkan supaya Abu Syamah dibebaskan. Kasih sayang Umar terhadap anaknya sememangnya tidak dapat disangkal, namun beliau lebih takut terhadap siksaan daripada Allah SWT sekiranya tidak melaksanakan hukum dengan adil. Kesedihan yang dialami Saidina Umar itu dapat diperhatikan menerusi petikan di bawah:

Maka baginda Umar pun menangis pula kerana ia melihat kelakuan isterinya itu, seraya ia menyapu air matanya. Maka katanya, 'Hai bonda Abu Syamah. Berapalah rasa tuan akan Abu Syamah itu lagi hati hamba seperti dihiris dengan sembilu dan luka dikenakan limau demikianlah rasa hatinya hamba akan anak hamba ini dan putuslah perkenangan hati hamba kepada anak hamba daripada gunung intan kepada hamba seorang ini tiadalah umpamanya. Berapalah sayang tuan sekalian anak hamba terlebih lagi rasa hati hamba sayang akan buah hati hamba ini kerana ialah seorang anakanda hamba. Maka baginda Umar pun membaca Quran demikianlah bunyinya: "Wa la taziru waziratun wizra ukhra." Ertinya: Tiadalah dapat ia ditanggungkannya dosanya seorang lain daripadanya.

(Mohd Yusuf Md. Nor 1989: 42-43)

Umar selanjutnya berkata kepada Abu Syamah (Mohd Yusuf Md. Nor 1989: 46);

Maka kata baginda Umar sambil ia menyapu air matanya, "Hai anakku dan buah hatiku dan cahaya mataku; sangatlah aku sayang kepadamu kerana suaramu seperti suara baginda Rasulullah SAW. Hai anakku, apalah dayanya aku kerana aku sangat takut kepada Tuhan azza wajalla."

Abu Syamah merupakan seorang pemuda yang baik, malah memiliki ilmu yang tinggi dalam bidang agama. Oleh sebab itulah, hukuman yang dikenakan ke atasnya menyebabkan para sahabat bersedih dan cuba menghalang keputusan Umar. Mereka telah datang memeluk pada kaki Umar, meminta agar diri mereka masing-masing menjadi galang ganti. Permintaan para sahabat di Madinah itu telah ditolak dengan tegas. Tindakan Saidina Umar itu telah mencerminkan kedudukannya yang lebih tinggi berbanding para sahabat yang lain. Pada situasi yang sangat mengharukan itu, para sahabat telah dikuasai oleh emosi dan kesedihan, hingga secara tidak sedar telah membelakangkan keadilan dan pelaksanaan syariat Islam. Umar yang walaupun diasak dengan permintaan isteri dan para sahabat, ditambah pula dengan kasih sayang terhadap anaknya sendiri, tetap bertegas untuk melaksanakan hukuman tersebut.

Sebagai seorang khalifah yang berwibawa, Saidina Umar telah meletakkan kedudukan 'keadilan syariat' melebihi 'keadilan manusia'. Meskipun seluruh sahabat menginginkan pembebasan Abu Syamah dilihat sebagai satu bentuk 'keadilan' yang disenangi bersama, namun tindakan tersebut tidak mencerminkan keadilan menurut neraca Al-Quran. Dalam hal ini, Umar merupakan watak yang berpandangan jauh. Ketajaman fikirannya dalam menilai letak duduknya keadilan Islam di dunia, membuktikan beliau sedar tentang kewujudan penghakiman pada sebuah lagi alam kehidupan setelah kematian, iaitu alam akhirat.

kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman."

Dengan kata lain, ‘ketidakadilan’ Umar terhadap Abu Syamah sewaktu di dunia, merupakan suatu bentuk ‘keadilan hakiki’ beliau terhadap anaknya itu di akhirat. Umar bukan sahaja menilai keberadaan manusia sewaktu di dunia, sebaliknya beliau telah melihat dengan ‘menembusi batas alam’, menerusi pandangan keimanannya yang tinggi. Umar mengetahui bahawa sekiranya Abu Syamah tidak dihukum di dunia, maka anaknya itu akan mendapat penyeksaan yang jauh lebih pedih di dalam neraka kelak. Pada penghujung hikayat, pengarang telah memberikan pengiktirafan terhadap keadilan Umar sebagai tindakan yang benar dan tepat, meskipun telah mengorbankan anaknya sendiri. Ini dibuktikan menerusi pujian daripada Rasulullah SAW melalui mimpi Saidina Ali dan Saidina Uthman;

Maka sabda Rasulullah, ‘Hai Umar! Bahawa Allah taala dan segala malaikat isi langit telah redalah pekerjaan sahabatku Saidina Umar itu dan mendirikan hukum Allah atas anakmu yang engkau kasihi itu.’ Maka Abu Syamah pun mendakap ayahandanya seraya berkata, “Ya ayahanda serta hambamu peroleh kemuliaan dengan pekerjaan tuanku pada mendirikan hukum atas hambamu. Ya ayahanda jikalau tiada kiranya disuruh oleh ayahanda palu lagi akan hambamu kemudian daripada putus nyawa hambamu itu sepuluh kali lagi nescaya dipalu hambamu di neraka. Ya ayahanda adapun kupangkatkan orang yang dikasihi itu maka dengan menanggung hukum Allah taala daripadanya itu bukannya kasih kerana siksa di dalam dunia terlalu amat mudahnya dan amat ringannya.”

(Mohd Yusuf Md. Nor 1989: 53)

KESIMPULAN

Watak Saidina Umar telah mencerminkan sifat pemimpin Islam sejati yang berwibawa dan adil. Kehebatannya dalam menghadapi situasi pengadilan Abu Syahmah, secara tidak langsung telah membenarkan sabda Rasulullah SAW yang mengiktiraf kedudukan beliau sebagai salah seorang daripada sepuluh sahabat yang telah dijamin syurga. Keadilan Saidina Umar adalah bersifat sempurna, merangkumi tiga proses penting iaitu mendengar sesuatu aduan, melakukan siasatan, serta melaksanakan hukuman. Menerusi rangkuman proses tersebut, keadilan hakiki telah dapat ditegakkan, sekaligus menghalang dari berlakunya kezaliman. Meskipun terpaksa mengorbankan anaknya yang sangat dikasihi, keadilan beliau telah membuktikan bahawa syariat dan hukuman Islam adalah bersifat menyeluruh, tanpa mengira kedudukan martabat si pesalah, juga jurai keturunannya yang mulia.

Dalam konteks dunia masa kini, keadilan Saidina Umar sebagaimana yang terpancar menerusi *Hikayat Abu Syahmah*, seharusnya menjadi contoh ikutan dan teladan bagi seluruh umat Islam, khususnya bagi golongan pemerintah dalam melaksanakan sesuatu hukuman. Sesebuah hukuman yang dijatuhkan tanpa menurut perspektif Islam, pada akhirnya akan membuka pelbagai ruang perpecahan dan fitnah dalam kalangan umat Islam. Natiujahnya, kedamaian akan menjadi semakin luput, bahkan hubungan di antara manusia dengan Allah SWT akan menjadi semakin jauh tersasar. *Hikayat Abu Syahmah* telah menjadi contoh iktibar yang jelas buat pada pembaca, bahawa keadilan syariat adalah menjangkau kepentingan peribadi. Perlaksanaan hukuman yang adil akan membawa kepada kedamaian yang berterusan, sebaliknya kezaliman pula akan menjerumuskan ummah kepada medan permusuhan.

RUJUKAN

- Al-Quran Tajwid dan Terjemahan*. Kajang: Penerbit Humaira Bookstore.
- Abdul Rahman Doi. (1995). *Undang-undang Syariah*. Terj. Rohani Abdul Rahim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. (2001). *Sejarah Dakwah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Alaiddin Koto. (2012). *Filsafat Hukum Islam*. Jakarta: PT Raja Grafindo.
- Ali Ahmad & Siti Hajar Che Man. (1996). *Bunga Rampai Sastera Melayu Warisan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amran Kasimin (1995). *Umar Al-Khattab, Insan yang Tajam Fikirannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hamid. (1983a). *Kesusasteraan Melayu Lama dari Warisan Peradaban Islam*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Ismail Hamid. (1983b). *The Malay Islamic Hikayat*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jelani Harun. (2003). *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalid M. Hussain (pngr.) (1992). *Taj al-Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Yahaya. (1998). *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahir Amin. (2014). Konsep keadilan dalam perspektif filsafat hukum Islam. *Al-Daulah* 4(10): 322-343.
- Mat Saad Abdul Rahman. (1999). Kedudukan bukan Islam dalam sejarah pemerintahan Islam. Dlm. Abdul Monir Yaacob (pngr). *Prinsip-prinsip Pemerintahan dalam Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- M. Hajir Mutawakkil. (2014). Keadilan Islam dalam persoalan gender. *Jurnal Kalimah* 12(3): 67-89.
- Mohd Adnan Pitchan, Siti Nur Husna, & Mohd Izhar Ariff. (2018). Teori Al-Daruriyyat dan penggunaan media sosial: satu perbincangan konsep. *Jurnal Komunikasi* 34(4): 75-92.
- Mohd Said Ishak. (2000). *Umar Ibn Al-Khattab: Pelaksanaan Hukum Islam*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Yusof Md. Nor (pngr.). (1989). *Antologi Enam Hikayat*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Mustafa Murad. (2010). *Kisah Hidup Umar Ibn Khattab*. Terj. Ahmad Ginanjar Sya'ban. Kuala Lumpur: Synergy Media.
- S.Simandjuntak. (1971). *Kesusasteraan Indonesia 1*. Jakarta: Yayasan Pembangunan.
- Syed Muhammad Naquib Alatas. (1999). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2005). *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed Muhammad Naquib Alatas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

MAKLUMAT PENULIS

MUHAMMAD GHAZALI BIN MOHD ROS

Calon Sarjana Falsafah,
Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu (BAYU),
Universiti Kebangsaan Malaysia.
ghazalimohd1990@gmail.com

SHAIFUL BAHRI MD. RADZI

Profesor Madya di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu (BAYU),
Universiti Kebangsaan Malaysia.
sbmr@ukm.edu.my